



# KENYATAAN MEDIA

## TERAP BUDAYA KEUSAHAWANAN, PROGRAM USAHAWAN MUDA 2022 DAPAT SAMBUTAN POSITIF

**Nilai, 3 Oktober 2022** - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini menganjurkan Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) siri ke-5 peringkat Negeri Sembilan yang telah telah menarik seramai 600 penyertaan yang melibatkan pelajar daripada Politeknik Negeri Sembilan, Kolej Komuniti Negeri Sembilan, Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas.

Program yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi SSM, bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan sesebuah perniagaan, menyemai minat dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri peserta.

Dalam ucapan perasmiaannya, Datuk Azman memaklumkan bahawa PUM22 merupakan program khas yang dianjurkan bagi memberi kefahaman berkaitan tatacara serta perundangan yang dikawal selia SSM berhubung keperluan dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi perniagaan dan pengurusan kewangan, serta strategi pemasaran digital dan perkongsian oleh usahawan berjaya. Tambah beliau melalui program ini, para peserta juga akan didedahkan dengan kesedaran dan perlindungan hak-hak pengguna agar peserta lebih peka dan prihatin tentang isu-isu kepenggunaan yang wujud di negara ini.

Beliau berkata, bagi tahun 2022 SSM mensasarkan pelaksanaan sebanyak enam PUM22 di mana empat daripadanya dilaksanakan secara dalam talian, dan dua lagi secara fizikal di Negeri Sembilan dan Sarawak.

Datuk Azman turut berkata melalui program PUM ini SSM membuka peluang kepada peserta untuk memanfaatkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang diperkenalkan bagi memberi kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.

Tambah beliau, SSM sentiasa berusaha untuk menambahbaik perkara ini agar setiap usahawan dapat menikmati pelbagai bantuan dan faedah yang disediakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi seperti TEKUN, MARA, PERNAS dan lain-lain.

Mengikut statistik SSM, dari 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2022, jumlah pendaftaran perniagaan yang berjaya didaftarkan melalui SPPP adalah sebanyak 39,315 pendaftaran yang terdiri daripada 18,001 pelajar-pelajar IPT dan 21,314 usahawan B40.

Semasa program berlangsung, Datuk Azman turut menyampaikan serahan agihan Wakalah Zakat Korporat SSM kepada 25 orang pelajar dari golongan asnaf dan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SSM kepada 20 orang pelajar dari kumpulan B40. Agihan keseluruhan yang berjumlah RM22,500 disampaikan kepada para pelajar dari Politeknik Nilai, Politeknik Port Dickson, Kolej Komuniti Negeri Sembilan dan Giatmara Negeri Sembilan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel kepada [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

**DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**  
**TARIKH: 3 OKTOBER 2022**